Jilid I
Bil. 9

Hari Jumaat
22hb Oktober, 1982

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

## PARLIMEN KEENAM

*Sixth Parliament*

## PENGGAL PERTAMA

*First Session*

## KANDUNGANNYA

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 1031]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1983 [Ruangan 1064]**

# DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

## PENGGAL YANG PERTAMA

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang Pasu).

,, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S, D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).

,, Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

,, Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

,, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

,, Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

,, Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

,, Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

,, Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

,, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

,, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

,, Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

,, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

,, Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

,, Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

,, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

,, Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

,, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

,, Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).

,, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

,, Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).

,, Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).

,, Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

,, Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

,, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

,, Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).

,, Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

,, Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

,, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

" Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).

,, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

,, Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

,, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

,, Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).

,, Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).

,, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

,, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

,, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).

,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).

,, Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).

,, Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).

,, Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).

,, Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).

,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N. P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).

,, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

,, TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).

,, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).

,, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).

,, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).

,, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

,, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).

,, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).

,, TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).

,, TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).

,, DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).

,, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Hulu Terengganu).

,, TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).

,, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

,, TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

,, TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

,, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

,, DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

,, TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

,, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

,, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

,, TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).

Yang Berhormat Tuan Daud bin Haji Taha (Batu Pahat).

,, Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat).

,, Tuan Edmund Langgu anak Saga, p.b.s. (Saratok).

,, Datuk Edwin anak Tangkun, p.n.b.s., p.b.s., a.b.s. (Batang Lupar).

,, Tuan Fung Ket Wing (Sandakan).

,, Tuan Newman Gaban (Bandau).

,, Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera).

,, Tuan V. Govindaraj, a.m.n., p.j.k. (Pelabuhan Kelang).

,, Datuk Harris bin Mohd. Salleh, s.p.d.k., s.p.m.j. (Ulu Padas).

,, Tuan Haji Hashim bin Haji Endut, a.m.k. (Ulu Muda).

,, Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong, j.p. (Labuk Sugut).

,, Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang).

,, Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus).

,, Tuan Ismail bin Arshad, a.m.k. (Jerai).

,, Tuan Ismail bin Said, a.m.n. (Kemaman).

,, Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi, a.m.n., p.j.k. (Sabak Bernam).

,, Tuan Justine anak Jinggot (Ulu Rajang).

,, Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa, s.p.m.p., k.m.n., j.p. (Larut).

,, Tuan Kan Yau Fa (Tawau).

,, Tuan Karpal Singh (Jelutong).

,, Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh).

,, Tuan Mark Koding (Kinabalu).

,, Dr Koh Tsu Koon (Tanjong).

,, Dato Lee Kim Sai (Ulu Selangor).

,, Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar).

,, Tuan Leo Michael Toyad (Mukah).

,, Datuk Leonard Linggi anak Jugah, p.n.b.s., j.b.s. (Kapit).

,, Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka).

,, Tuan Lim Liang Seng (Kinta).

,, Tuan Ling Sie Ming (Sibu).

,, Tuan Mamat bin Abdul Rahman (Ulu Nerus).

,, Tuan Megat Junid bin Megat Ayob (Hilir Perak).

Yang Berhormat Tuan Ahmad Shah bin Dato Hussein Tambakau (Keningau).

,, Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang).

,, Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali, a.m.p. (Gerik).

,, Dato Haji Mohamed bin Haji Ali, k.m.n., a.m.n., p.b. (Nilam Puri).

,, Dato' Mohamed bin Rahmat, s.p.m.j., s.s.i.j., d.p.m.j., p.n.b.s., k.m.n. (Pulai).

,, Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud (Pekan).

,, Dato Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah).

,, Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basari (Setapak).

,, Tuan Mohammad Yahya bin Lampong (Kota Belud).

,, Tuan Mohamed Yussof bin Haji Yakob (Hilir Padas).

,, Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah, s.m.k. (Bachok).

,, Tuan Mokhtaram bin Rabidin (Pontian).

,, Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas).

,, Tuan Mustaffa bin Mohammad (Sri Gading).

,, Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut).

,, Dato Ngah bin A. Rahman (Ledang).

,, Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, k.m.n., j.p. (Pengkalan Chepa).

,, Datuk James Peter Ongkili, d.i.m.p. (Tuaran).

,, Tuan Oo Gin Sun, a.m.k., s.d.k., j.p. (Alor Setar).

,, Tuan Patrick Anek Uren (Mas Gading).

,, Tuan Quah Wee Liam (Kluang).

,, Tuan Richard Dampeng anak Laki (Serian).

,, Tuan Saidin bin Mat Piah (Padang Rengas).

,, Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam).

,, Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling).

,, Tuan Shamsuri bin Md. Salleh, a.m.n., p.k.t., j.p. (Balik Pulau).

,, Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching).

,, Tan Sri Dato Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj, p.s.m., s.p.m.k., s.s.d.k., p.n.b.s., p.g.d.k., j.m.n., j.p. (Padang Terap).

,, Tuan Tan Koon Swan (Damansara).

Yang Berhormat TUAN TAN KOW KIA *alias* Tan Kok Hooi (Padang Serai).

,, DR TAN SENG GIAW (Kepong).

,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

,, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

,, WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

,, WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).

,, WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

,, TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).

,, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).

,, TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

,, DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

# DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

## BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap

Penyunting: P. B. Menon

Penyunting: Haji Osman bin Sidik

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT

**Jumaat, 22hb Oktober, 1982**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

**Bacaan Kali Yang Kedua**

*4.05 ptg.*

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1983 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu," dibacakan pada kali yang kedua.

*Prestasi Ekonomi Antarabangsa dan Prospek-prospek bagi Tahun 1982 dan 1983*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan Ucapan Belanjawan pada tahun ini, dengan membuat tinjauan mengenai prestasi ekonomi antarabangsa bagi tahun 1982 bersekali dengan prospek-prospeknya bagi tahun 1983. Ini adalah perlu kerana kemelesetan ekonomi antarabangsa dijangka akan berterusan sehingga awal tahun hadapan, setidak-tidaknya.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ekonomi dunia terus meleset, bahkan kemelesetan ini lebih teruk dari yang dijangkakan oleh negara-negara perindustrian sendiri. Negara-negara OECD sebenarnya pernah menganggarkan ekonomi mereka tumbuh pada kadar 2% sahaja bagi sepanjang tahun 1982. Tetapi prestasi ekonomi negara-negara ini pada keseluruhannya dijangka mencapai kadar pertumbuhan kira-kira 0.5% sahaja pada tahun ini. Ini hanyalah satu perempat dari anggaran asal mereka dan merupakan kadar pertumbuhan ekonomi yang paling rendah bagi negara-negara perindustrian sejak Zaman Meleset tahun tiga puluhan dahulu. Oleh sebab pertumbuhan yang rendah ini maka bilangan orang yang menganggur bertambah ramai, syarikat-syarikat yang bankrap semakin banyak dan pendapatan sebenar di negara-negara ini semakin jatuh nilainya.

Keadaan ekonomi yang tidak berketentuan ini juga sudah menjadi bertambah buruk. Ini adalah disebabkan oleh kadar faedah bank di peringkat antarabangsa yang terus berada di tahap yang tinggi, pengangguran yang semakin bertambah dan pertumbuhan ekonomi di negara-negara perindustrian yang semakin merosot. Kadar pinjaman utama bank di Amerika Syarikat umpamanya telah meningkat kepada tahap yang paling tinggi, iaitu 20.5%, dalam bulan Mei 1981, dan kadar faedah harian antara Bank di London (LIBOR) meningkat kepada 19% dalam bulan Ogos 1981. Walaupun kadar faedah bank di peringkat antarabangsa mula menurun sedikit, ianya masih tinggi dan oleh sebab itu akan terus membantut perdagangan antarabangsa dan pemulihan ekonomi. Pengangguran telah sampai kepada kadar purata sebanyak 9% hingga 10% hingga menyebabkan lebih kurang 32 juta orang kehilangan pekerjaan.

Kemelesetan ekonomi antarabangsa yang berterusan ini telah menjejaskan prestasi ekonomi negara kita, bahkan lebih daripada

yang dijangkakan. Saya ingin menegaskan bahawa segala langkah-langkah yang telah dan akan terus kita ambil sedaya upaya untuk mengelakkan kesan-kesan buruk kemelesetan ekonomi dunia ini nyatalah tidak akan mencapai kejayaan sepenuh yang dikehendaki. Ini ialah kerana negara kita kecil dan masih banyak bergantung kepada telatah perdagangan antarabangsa dan kepada eksport barang-barang keluaran utama, sungguhpun kita telah berjaya mempelbagaikan ekonomi kita. Tetapi Alhamdulillah kita bersyukur ke hadhrat Allah subhanahu wataala, negara dan rakyat kita telah dapat mempertahankan diri daripada kesan-kesan buruk kemelesetan ini. Ini adalah berkat kerana adanya dasar-dasar sosio-ekonomi dan fiskal yang kita jalankan secara berhati-hati, keazaman politik yang gigih, dan pengurusan ekonomi yang pragmatis oleh Kerajaan kita. Jadi ekonomi negara kita, ibarat sebuah perahu yang kecil tetapi kukuh, telah dapat menempuh taufan kemelesetan yang ditiupkan oleh negara-negara perindustrian.

Ramalan dari negara-negara OECD dan institusi-institusi ekonomi antarabangsa yang terkemuka sekarang menunjukkan bahawa kemelesetan yang paling buruk ini mungkin telah reda. Bagi tahun depan, OECD meramalkan bahawa pertumbuhan ekonomi di negara-negara perindustrian pada keseluruhannya akan meningkat kepada purata lebih kurang 2.5% dan kadar inflasinya akan menurun kepada purata kira-kira 7%. Kita akan menggunakan ramalan ini hanya sebagai penunjuk untuk tujuan perancangan kita sendiri, sambil berharap bahawa negara-negara perindustrian akan mempunyai keazaman politik dan ekonomi untuk menghasilkan matlamat-matlamat ekonomi mereka.

Saya telah menerangkan secara ringkas mengenai keadaan ekonomi antarabangsa. Penerangan ini mustahak saya berikan kerana kita mempunyai ekonomi yang terbuka yang banyak bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Oleh sebab itu, perkembangan-perkembangan di dalam ekonomi negara-negara perindustrian, khususnya negara-negara rakan perdagangan kita, akan mempengaruhi bukan sahaja pertumbuhan ekonomi kita tetapi juga harga barang-barang kita, pendapatan rakyat, dan juga hasil Kerajaan.

*Prestasi Ekonomi Malaysia dalam Tahun 1982*

Tuan Yang di-Pertua, mengikut anggaran kita sekarang ini, ekonomi Malaysia akan berkembang sebanyak lebih kurang 3.9% dari segi sebenar bagi keseluruhan tahun 1982. Ini adalah jauh lebih rendah dari anggaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 7.2% yang telah kita buat berdasarkan langkah-langkah Belanjawan tahun 1982. Sebaliknya, harga-harga pengguna dianggarkn meningkat pada kadar yang rendah iaitu lebih kurang 6.5%. Ini merupakan pencapaian yang baik memandangkan kadar inflasi antarabangsa yang tinggi. Kejayaan yang kita capai ini adalah jauh lebih baik daripada tahun 1974 bilamana Angka Tunjuk Harga Pengguna (AHP) melambung naik kepada 17.4%, dan dalam tahun 1975 bilamana ekonomi negara bukan sahaja tidak ada pertumbuhan, malah merosot sehingga sebanyak 0.8% dari segi sebenar. Tetapi kemelesetan ekonomi antarabangsa telah menjejaskan pendapatan eksport kita dalam tahun 1982 disebabkan kejatuhan harga dan pengurangan jumlah eksport kita. Oleh hal yang demikian, imbangan perdagangan dijangka menunjukkan kurangan yang besar melebihi $2,400 juta dalam tahun 1982. Tambahan pula, kita juga terpaksa membuat bayaran yang banyak untuk perjalanan dan perkhidmatan perkapalan yang dikendalikan oleh negara-negara asing. Jadi Akaun Semasa Imbangan Pembayaran dijangka akan mencatatkan kurangan yang besar sebanyak $8,649 juta.

Oleh kerana harga-harga barangan eksport utama negara terus merosot, maka hasil Kerajaan terus jatuh. Oleh sebab itu Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengambil tindakan bagi melindungi ekonomi Malaysia daripada kesan buruk kemelesetan ekonomi antarabangsa. Selaras dengan amalan kita menguruskan hal ehwal kewangan dengan pragmatis dan bijaksana, kita telah mengambil tindakan menyekat pertambahan perbelanjaan untuk mengatasi kesan-kesan kemelesetan ke atas prestasi Belanjawan dengan cara yang lebih efektif.

Itulah sebabnya, Peruntukan-peruntukan Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1982 telah dikurangkan sebanyak $3,489 juta, di pertengahan tahun ini. Ini dilakukan setelah memberi pertimbangan yang amat teliti untuk menentukan supaya projek-projek bagi sektor-sektor yang diutamakan tidak terlalu terjejas, khususnya yang berkaitan dengan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Dalam pada itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah perlu bagi menentukan supaya perbelanjaan Kerajaan dikawal dengan lebih ketat dan seboleh-bolehnya pada tingkat yang paling rendah. Sebagai contoh, Kerajaan telah mengkaji semula keperluan tenaga pekerjanya dan memutuskan untuk membekukan pengisian jawatan kosong dan pengujudan jawatan-jawatan baru di dalam semua kategori perkhidmatan awam, khususnya di dalam Kategori D, kecuali yang paling penting sahaja. Kerajaan juga telah mengurangkan peruntukan bagi perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan, dan menentukan supaya segala mesyuarat, seminar dan persidangan diadakan di pejabat-pejabat Kerajaan sahaja seberapa yang boleh. Penggunaan beberapa kemudahan seperti elektrik, air, telefon, alat-alat tulis, perabot, kelengkapan dan lain-lain kemudahan pejabat di dalam jabatan Kerajaan, juga telah dikawal.

Maka anggaran Belanjawan 1982 akan jauh berbeza daripada anggaran asalnya. Jadi, anggaran belanjawan mengurus sebanyak $17,319 juta bagi tahun 1982 adalah dijangka akan berkurangan kepada $16,185 juta. Pemungutan hasil pula sekarang dianggarkan berjumlah $16,434 juta, berbanding dengan $17,683 juta yang telah dianggarkan dalam Belanjawan tahun 1982 dahulu. Ini bermakna lebihan belanjawan akan kurang sedikit dalam akaun semasa sebanyak $249 juta, berbanding dengan $364 juta yang dijangkakan dalam Belanjawan asal tahun 1982. Di samping itu, kita telah mengkaji semula dengan teliti segala peruntukan perbelanjaan pembangunan untuk tahun 1982 menurut keutamaan projek-projek. Dengan penyesuaian ini kita telah dapat mengurangkan anggaran perbelanjaan pembangunan asal sebanyak $14,632 juta itu kepada $12,881 juta. Jika tidak kerana langkah-langkah ini Belanjawan 1982 sudah tentu akan mengalami kurangan yang besar.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu faham bahawa keputusan untuk mengurangkan perbelanjaan Belanjawan bukanlah senang. Bagaimanapun langkah ini perlu diambil supaya kita dapat mengukur baju di badan sendiri. Kita akan terus mengamalkan disiplin dalam pengurusan kewangan, dengan mengadakan kawalan yang ketat, terutama sekali di saat kita menghadapi kesulitan akibat kemelesetan ekonomi dunia. Kita boleh mengambil jalan mudah untuk mengatasi masalah ini, dengan cara meminjam lebih banyak lagi untuk mengekalkan paras perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan yang tinggi dalam tahun 1982. Tetapi kita tidak mahu berbuat demikian, kerana ini akan meruncingkan perbelanjaan dan kewangan negara, yang bukan sahaja akan menjejaskan keadaan kewangan tahun ini tetapi juga tahun akan datang, dan selagi keadaan kemelesetan ini berterusan.

*Latarbelakang Belanjawan 1983.*

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah membayangkan bahawa prospek ekonomi antarabangsa dalam tahun 1983 adalah dijangka baik sedikit daripada tahun ini. Tetapi masih banyak yang tidak dapat ditentukan. Walau bagaimanapun pemulihan ekonomi yang tetap hanya akan berlaku secara beransur-ansur, dan itu pun dijangka berlaku pada hujung tahun depan dan tidak di awal tahun depan. Banyak bergantung kepada apa yang akan dibuat oleh negara-negara perindustrian bagi memperbaiki keadaan ekonomi antarabangsa sekarang. Tetapi kita tidak boleh bergantung kepada negara-negara perindustrian dan menunggu mereka mengambil inisiatif yang berkesan. Kita sendiri mestilah melakukan apa sahaja yang perlu dilakukan untuk menentukan supaya matlamat-matlamat sosio-ekonomi kita tercapai mengikut kemampuan kewangan kita yang terhad.

Kalau boleh, kita memanglah lebih suka mengadakan perbelanjaan yang banyak untuk mengembangkan ekonomi bagi mengatasi kesan-kesan buruk kemelesetan ekonomi antarabangsa dan ini boleh kita buat kalau kita dapat mempastikan bahawa ekonomi dunia akan pulih secukupnya pada tahun depan. Tetapi ini adalah satu perkara yang kita tidak boleh pastikan. Oleh itu, kita akan terus menggunakan pendekatan yang berhati-hati lagi pragmatis di dalam pengurusan ekonomi kita. Kita telah menyaksi keruntuhan banyak ekonomi negara-negara perindustrian dan juga negara-negara membangun yang terkemuka akibat kemelesetan ekonomi dunia. Oleh itu kita perlulah berhati-hati supaya tidak terjerumus ke dalam jurang yang merbahaya.

Dalam pada itu kita tidak pula boleh mengurangkan dengan banyak perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan, terutama sekali yang berkait dengan pembangunan sosio-ekonomi kita. Kerajaan perlu terus mengadakan segala kemudahan dan perkhidmatan asas, terutama sekali untuk faedah golongan yang berpendapatan rendah, bagi melindungi mereka seberapa yang boleh daripada kesulitan ekonomi yang disebabkan oleh kemelesetan ekonomi antarabangsa ini. Dalam keadaan yang begini rupa, Kerajaan akan hanya berbelanja mengikut kemampuannya.

Oleh kerana kita perlu cermat apabila hendak meminjam sama ada dari dalam atau dari luar negeri, maka tidak ada jalan lain bagi kita melainkan menggunakan keupayaan yang ada pada kita untuk menambah hasil bagi membiayai segala perkhidmatan dan program sosio-ekonomi di samping mengawal keselamatan dan pertahanan negara demi kepentingan dan kebajikan rakyat seluruhnya.

Kita akan menentukan supaya pihak swasta akan mendapat kemudahan kewangan yang cukup daripada bank-bank tempatan. Ini adalah untuk membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih dinamik untuk membantu usaha-usaha Kerajaan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Kita akan terus meminjam dari pasaran kewangan antarabangsa, tetapi kita akan melakukannya dengan cermat supaya jumlah pinjaman dibuat setakat yang difikirkan munasabah. Ini adalah kerana hendak memelihara kedudukan kita yang dipandang tinggi oleh masyarakat kewangan antarabangsa dan juga untuk mengekalkan kepercayaan peniaga dan pelabur terhadap negara kita.

*Strategi Belanjawan*

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengambilkira kesemua faktor-faktor ini, strategi keseluruhan Belanjawan Kerajaan bagi tahun 1983 adalah:

*(a)* untuk memperkemas dan memperkukuh kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan selaras dengan sumber-sumber yang ada;

*(b)* untuk memperbaiki dan memperkukuh asas kedudukan Imbangan Pembayaran; dan

*(c)* untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang memuaskan, di samping mengekalkan kestabilan harga.

*I. Untuk Memperkemaskan dan Menguatkan Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan*

Oleh yang demikian, perbelanjaan bagi tahun 1983 terpaksa dihadkan untuk menjamin supaya perbelanjaan tidak melebihi keupayaan kita di samping mengekalkan kestabilan harga.

Jadi, saya mencadangkan supaya sejumlah $28,749 juta diperuntukkan bagi Belanjawan 1983. Dari jumlah ini sebanyak $17,079 juta atau 59.4% adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan $11,670 juta atau 40.6% untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Sebanyak $1,819 juta atau 10.7% daripada Perbelanjaan Mengurus adalah disediakan untuk perkhidmatan ekonomi dan $4,472 juta atau 26.2% disediakan untuk perkhidmatan sosial. Sebanyak $4,955 juta atau lebih kurang 29% adalah untuk Tanggungan Tertentu seperti bayaran pencen dan hutang negara. Keselamatan dan pertahanan pula

akan diperuntukkan sebanyak $2,994 juta atau 17.5% daripada Perbelanjaan Mengurus.

Dalam Perbelanjaan Pembangunan, Kerajaan akan terus memberi keutamaan tinggi kepada sektor ekonomi, termasuklah peruntukan yang besar kepada pertanian, pembangunan tanah, parit dan taliair. Lebih separuh daripada Perbelanjaan Pembangunan iaitu sebanyak $6,086 juta atau 52% adalah disediakan untuk sektor ekonomi.

Satu lagi sektor yang tidak kurang pentingnya ialah sektor sosial. Sebanyak $2,522 juta atau 21.6% daripada jumlah Perbelanjaan Pembangunan akan disediakan bagi sektor ini yang merangkumi pelajaran dan kesihatan. Peruntukan Pelajaran dan Kesihatan sebenarnya bertambah jika dibandingkan dengan peruntukan Pembangunan 1982 yang telah disemak.

*Kesihatan*

Sejumlah lebih kurang $189 juta adalah diperuntukkan bagi program-program kesihatan. Keutamaan akan terus diberi bagi meninggikan lagi taraf kesihatan rakyat terutama sekali bagi golongan yang miskin yang tinggal di bandar dan di luar bandar. Adalah diharapkan perkhidmatan perubatan yang lebih baik akan dapat disediakan apabila siap 45 buah hospital baru dan kemudahan-kemudahan perubatan diperbaiki di 40 buah hospital yang sedia ada.

Konsep "Turnkey" sedang dirancang untuk diamalkan oleh industri pembinaan dan, sebagai permulaan konsep ini akan digunakan bagi mempercepatkan pembinaan 5 buah hospital baru Kerajaan. Hospital-hospital tersebut ialah di Kuala Trengganu, Kuala Brang, Teluk Intan, Jengka dan Sabak Bernam. Program Kesihatan Luar Bandar akan diperluaskan lagi dengan pelaksanaan 333 projek yang terdiri dari pusat-pusat kesihatan luar bandar, klinik-klinik desa dan program-program bekalan air luar bandar.

*Bayaran Hospital*

Pada masa ini Kerajaan ada menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan perubatan dan kesihatan dengan kadar-kadar bayaran yang rendah untuk faedah rakyat, tanpa mengira pendapatan mereka. Maka adalah dicadangkan supaya kadar-kadar ini disemak semula.

Perlu diingat bahawa kadar bayaran hospital tidak pernah disemak sejak tahun 1976. Sejak itu perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada orang ramai telah menjadi semakin meluas menyebabkan perbelanjaan Kerajaan meningkat dengan banyak. Oleh itu ada wajarnya dinaikkan kadar bayaran hospital. Walau bagaimanapun, bayaran tidak akan dinaikkan atas rawatan wad kelas tiga yang diberi kepada golongan berpendapatan rendah. Jadi maksud kita di sini hanyalah untuk menaikkan kadar-kadar bagi wad-wad kelas pertama dan kedua sahaja ke tahap yang lebih menasabah.

Kita akan terus mengamalkan disiplin dalam pengurusan kewangan dengan mengadakan kawalan yang ketat dalam tahun 1983. Peruntukan kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan akan dibuat berasaskan kepada keperluan bagi meneruskan perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada kepada rakyat. Langkah ini adalah perlu bagi menentukan supaya usaha-usaha Kerajaan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keempat tidak terlalu terjejas.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1983 sebanyak $17,079 juta adalah lebih kurang sama dengan peruntukan anggaran perbelanjaan mengurus tahun 1982. Tetapi peruntukan anggaran perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1983 adalah kurang sebanyak $2,962 juta atau 20.2% jika dibandingkan dengan peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1982. Potongan ini bolehlah disifatkan sebagai potongan yang agak besar juga.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa Kerajaan telah mengambil langkah-langkah perlu untuk mengurangkan peruntukan Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan sebagai salah satu langkah berkesan dalam usaha memperkemas dan memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan memang memberi keutamaan yang tinggi ke arah pencapaian matlamat-matlamat sosio-ekonomi di bawah Dasar Ekonomi Baru. Justeru itu, perlulah kita menyediakan kewangan yang mencukupi bagi Perbelanjaan Pembangunan. Bagi tujuan ini kita bukan sahaja terpaksa mendapatkan pinjaman tetapi juga menambahkan lagi hasil Kerajaan supaya dapat meneruskan usaha-usaha mencapai cita-cita sosio-ekonomi kita.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa di dalam usaha menaikkan kadar-kadar cukai, Kerajaan telahpun mempastikan supaya cukai-cukai baru ini tidak akan membebankan golongan berpendapatan rendah. Oleh itu, langkah-langkah cukai yang baru ini sengaja dipilih dan ditumpukan ke atas barang-barang yang digunakan oleh golongan yang berkemampuan sahaja.

*Cukai Jualan*

Sebagai satu langkah menambahkan hasil Kerajaan, saya mencadangkan supaya kadar cukai jualan dinaikkan dari 5% kepada 10%. Cukai ini sekarang dikenakan ke atas kira-kira 25% dari barang-barang yang diimport dan yang dikeluarkan dalam negeri. Ini bermakna, lebih kurang 75% dari barang-barang ini tidak dikenakan cukai jualan sama sekali dan barang-barang ini meliputi bahan-bahan makanan, ubat-ubatan, bahan-bahan mentah dan mesin, peralatan pembinaan dan bahan-bahan binaan. Saya mahu menegaskan di sini bahawa barang-barang ini akan terus tidak dikenakan cukai jualan.

*Cukai Perkhidmatan*

Saya juga mencadangkan supaya cukai perkhidmatan diperluaskan skopnya dan kadar cukai perkhidmatan itu dinaikkan seperti berikut:

*(a)* kadar 5% yang dikenakan sekarang dinaikkan kepada 10%;

*(b)* cukai perkhidmatan akan diperluaskan lagi untuk meliputi segala restoran, bar dan coffee-house yang terletak di luar hotel dan segala kelab persendirian. Perubahan ini akan melibatkan tempat-tempat ini sekiranya hasil jualan tahunan mereka berjumlah $500,000 dan lebih, dan ini akan mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1983.

*II. Memperbaiki dan Memperkukuh Imbangan Bayaran*

Tuan Yang di-Pertua, Imbangan Pembayaran dijangka akan terus menghadapi kesulitan dalam tahun 1983. Walau bagaimanapun, dengan bermulanya eksport gas cecair asli (LNG) dari tahun depan serta bertambahnya pengeluaran dan eksport minyak mentah, maka akaun perdagangan dijangka menjadi lebih baik sedikit jika dibandingkan dengan tahun 1982 dengan mendapat lebihan sebanyak $99 juta dalam tahun 1983. Akaun perkhidmatan akan terus mencatatkan kurangan yang besar sebanyak $6,691 juta, berbanding dengan kurangan sebanyak $6,093 juta dalam tahun 1982. Dengan ini, akaun semasa dijangka terus mencatat kurangan yang besar dalam tahun 1983 berjumlah $6,670 juta. Namun demikian, kurangan Imbangan Pembayaran pada keseluruhannya dijangka kecil iaitu sebanyak $237 juta, jika dibandingkan dengan tahun ini oleh kerana kemasukan modal jangka-panjang yang dijangka banyak. Oleh itu simpanan luar negeri bersih dianggarkan berjumlah $9,000 juta, iaitu cukup bagi membiayai import tertangguh selama lebihkurang 4 bulan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju, bahawa akaun perkhidmatan yang kian merosot dengan banyak itu adalah satu hal yang membimbangkan. Dalam Belanjawan tahun lepas, galakan-galakan cukai yang meluas telah diberi untuk menambah pendapatan tak ketara (invisible earnings) daripada perkapalan dan insuran, tetapi kesan daripada langkah-langkah itu akan hanya dapat dirasai dalam jangkamasa yang panjang. Namun demikian, cara yang baik sekali untuk meningkatkan pendapatan tak ketara dalam jangkamasa pertengahan ialah dengan cara menggalakkan perkembangan industri pelancungan. Kerajaan berazam menggalakkan pelancungan di kalangan pelancung-pelancung tempatan dan serantau

yang semakin ramai bilangannya. Dengan berbagai galakan cukai yang telah diberi, Kerajaan akan terus menggalakkan pembinaan hotel-hotel, pusat beli-belah, keda-kedai bebas cukai serta mengadakan lain-lain perkara yang boleh menarik pelancung.

Dalam Belanjawan yang lalu, saya telah memansuhkan semua cukai ke atas kamera, jam tangan, pemetik api dan pen untuk menggalakkan dagangan runcit bagi barang-barang yang digemari oleh pelancung-pelancung. Langkah-langkah ini menambah jualan barang-barang ini. Untuk menggalakkan lagi dagangan runcit, saya mencadangkan supaya dimansuhkan semua cukai ke atas minyak wangi, beberapa jenis alat solek seperti gincu bibir *(Ketawa)*, cream penyejuk muka, tonik kulit, cine-kamera, projektor, rekoder suara, radio transistor dan pen ball' point. Barang-barang ini tidak diperbuat dalam negeri dan dengan pemansuhan semua cukai ini, maka harga barang-barang ini di negara kita dijangka akan lebih menarik dan dapat membantu dagangan runcit serta industri pelancungan.

*Galakan Eksport*

Bagi memperkukuhkan Imbangan Pembayaran, saya bercadang membaiki beberapa galakan-galakan eksport yang diberi sekarang ini. Pada masa ini, elaun eksport dan potongan dua kali ke atas perbelanjaan untuk memajukan eksport adalah diberikan hanya kepada pekilang-pekilang yang mengeksport barang-barang keluarannya. Sekarang ini dicadangkan supaya galakan-galakan ini diperluaskan bagi meliputi juga pedagang-pedagang yang mengeksport barang-barang keluaran kilang tempatan. Seterusnya adalah dicadangkan supaya:

*(a)* elaun sebanyak 2% dari nilai di kilang untuk jualan eksport dan elaun tambahan 10% lagi kalau jualan eksport meningkat melebihi apa yang tercapai dalam tahun sebelumnya, yang wujud sekarang ini diganti dengan kadar tetap yang baru sebanyak 5%;

*(b)* elaun eksport dikira berasaskan pada nilai f.o.b. barang-barang yang dieksport; dan

*(c)* maksima potongan dua kali yang dibenarkan bagi perbelanjaan sara hidup dan penginapan di luar negeri dinaikkan dari $100 sehari kepada $200 sehari.

*Memudahkan Pengeksportan*

Kerajaan akan juga memudahkan lagi pengeksportan beberapa jenis barang dengan menghapuskan lesen eksport dan duti eksport 5% yang dikenakan sekarang. Oleh itu pelesenan eksport tidak lagi diperlukan untuk berbagai jenis barang seperti kueh, gula-gula, coklat, mee hoon, mee dan keluaran yang sejenis dengannya, air buah-buahan, minuman ringan, damar plastik dan barang-barang campuran plastik dari PVC atau polivinil klorida, botol-botol gelas dan tali-tali dawai.

Duti eksport akan dihapuskan ke atas simen dan batu hangus, batang-batang besi dan keluli yang bulat dan pipih, lantai mosaic, dan jubin untuk dinding dan genting. Walau bagaimanapun, memandangkan bahan-bahan ini diperjeniskan sebagai bahan-bahan penting yang diperlukan oleh industri perumahan dan pembinaan, maka bahan-bahan ini akan terus memerlukan lesen eksport.

Selaras dengan cadangan memudahkan eksport, saya juga bercadang untuk memansuhkan duti eksport sebanyak 15% yang dikenakan ke atas kelapa dan kelapa kering. Harga kelapa dalam negeri telah jatuh dengan banyak dalam beberapa bulan kebelakangan ini dan lebih rendah dari harga yang terdapat di pasaran eksport. Pemansuhan duti eksport ini akan memudahkan pengeksportan kelapa dan kelapa kering dan akan membantu menambah pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa di luar bandar.

*"Sogoshosha" Malaysia*

Bagi menggalakkan lagi usaha-usaha eksport, Kerajaan telah giat menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat perdagangan

secara besar-besaran di kalangan sektor swasta, seperti sogoshosha Jepun yang telah menunjukkan kejayaannya. Untuk membantu memajukan usaha-usaha baru ini, galakan-galakan eksport yang ada sekarang, seperti yang dipinda, akan juga dapat dinikmati oleh sogoshosha-sogoshosha yang akan dikendalikan oleh usahawan-usahawan Malaysia sendiri. Selain dari itu, untuk meningkatkan lagi kemampuan pekilang-pekilang Malaysia bersaing di pasaran-pasaran antarabangsa, syarikat-syarikat perdagangan yang besar-besar ini akan juga layak menggunakan kemudahan-kemudahan pembiayaan semula yang ditawarkan oleh Bank Negara bagi urusan-urusan sebelum mengeksport dan juga sesudah mengeksport barang-barang perdagangan mereka.

*Peraturan Memudahkan Import*

Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat bahawa salah satu langkah yang telah diambil tahun lepas ialah untuk memudahkan pekilang-pekilang mengimport berbagai-bagai jenis bahan mentah. Sebagai langkah lanjut kepada tindakan ini untuk memperbaiki sistem pemberian pengecualian cukai tokok, saya bercadang untuk memperluaskan lagi senarai bahan-bahan mentah yang dilayak ditimbang di bawah peraturan baru ini. Ianya dibuat dengan cara menyatukan cukai tokok yang dipotong untuk menjadi sebahagian dari duti import, supaya pekilang dapat menikmati potongan ini dengan tidak perlu lagi membuat permohonan untuk mendapat pengecualian.

Elaun Pelaburan Semula sebanyak 25% dari perbelanjaan ke atas loji, mesin dan bangunan perindustrian telah diberi dalam Belanjawan tahun 1979 dan elaun ini akan luput dalam tahun taksiran 1983. Tujuan memberikan elaun ini ialah untuk menggalakkan industri perkilangan memaju dan membesarkan kilang-kilang mereka. Oleh kerana sektor swasta mendapati galakan ini berfaedah kepada mereka, maka saya mencadangkan supaya Elaun Pelaburan Semula ini diteruskan sehingga tahun taksiran 1986. Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin ingat lagi bahawa dalam Ucapan Belanjawan saya tahun lepas, saya telah juga melanjutkan Elaun Susutan Dipercepatkan hingga ke tahun taksiran 1986 dan galakan ini boleh dinikmati oleh semua industri.

*Duti Import ke atas Kenderaan Persendirian*

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita mengimport banyak barang-barang mewah, yang tidak memberi sumbangan kepada keupayaan pengeluaran ekonomi. Misalnya, dalam tahun 1981 nilai kenderaan persendirian yang diimport berjumlah $800 juta, iaitu 12% lebih daripada jumlah bagi tahun 1980.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya dinaikkan duti import ke atas kereta-kereta penumpang yang siap dipasang (CBU) bagi kegunaan persendirian dan bagi pertama kalinya mengenakan duti import ke atas kenderaan-kenderaan bermotor yang belum siap dipasang (CKD).

Duti import ke atas kenderaan yang siap dipasang (CBU) bagi kegunaan persendirian akan dinaikkan iaitu:

Bagi kereta yang nilainya kurang dari $20,000, duti import dinaikkan dari 60% ke 90%;

Bagi tiap-tiap ringgit dalam lingkungan $5,000 berikutnya, duti import ialah 160%;

Bagi tiap-tiap ringgit dalam lingkungan $5,000 berikutnya, duti import ialah 135%;

Bagi tiap-tiap ringgit dalam lingkungan $5,000 berikutnya, duti import ialah 160%;

dan bagi nilai baki seterusnya, duti import ialah 200%.

Untuk kereta penumpang yang belum siap dipasang (CKD) saya mencadangkan supaya duti import dikenakan sebanyak 15%. Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan lebih banyak lagi bahan-bahan tempatan serta menggalakkan perusahaan penggantian import dalam industri kereta motor. Kenderaan-kenderaan yang digunakan untuk perniagaan tidak akan dikenakan duti ini.

Selain dari itu, saya mencadangkan supaya pengecualian penuh daripada duti eksais diberikan kepada kereta-kereta penumpang

yang dipasang dalam negeri yang akan digunakan sebagai teksi.

*Duti Import dan Eksais ke atas Minuman Keras*

Dari kereta kita beralih kepada minuman keras pula. Saya mencadangkan supaya duti import ke atas bir dan minuman keras dinaikkan antara 10% hingga 40% dan duti eksais ke atas bir dan stout yang dibuat dalam negeri dinaikkan juga sebanyak 60% dari $1.25 se litre kepada $2.00 se litre.

*Duti Import dan Eksais ke atas Tembakau*

Begitu juga, saya mencadangkan supaya dinaikkan duti import sebanyak $54% dari $32.54 se kilogram kepada $50 se kilogram ke atas tembakau yang belum diproses. Duti import ke atas rokok dan lain-lain barang buatan dari tembakau akan dinaikkan antara 3% hingga 137%. Selain dari maksud menambahkan hasil Kerajaan bagi tujuan pembangunan, langkah-langkah cukai ini juga bertujuan untuk menggalakkan tembakau tempatan digunakan dengan lebih banyak lagi untuk membantu kira-kira 53,000 keluarga petani memperolehi pendapatan yang lebih tinggi. Saya juga mencadangkan supaya duti eksais ke atas rokok yang dikilangkan dalam negeri dinaikkan dari $4.37 se kilogram kepada $9.00 se kilogram.

*III. Pertumbuhan Ekonomi dan Kestabilan Harga*

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1983 bermaksud meneruskan pertumbuhan ekonomi pada kadar yang menasabah dan juga untuk membendung kenaikan harga. Oleh sebab inilah maka Kerajaan akan terus membiayai pembinaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam, untuk meningkatkan daya pengeluaran yang akan menambahkan keluaran dalam negeri dan membantu mengawal kestabilan harga.

*Kemudahan-kemudahan Awam*

Oleh itu sejumlah $1,474 juta adalah diperuntukkan bagi Kemudahan-kemudahan Awam. Dari jumlah ini, $741 juta ialah bagi bekalan elektrik dan $733 juta untuk bekalan air. Peruntukan bagi bekalan elektrik adalah untuk membiayai sebahagian kos projek-projek yang dijalankan oleh Lembaga Letrik Negara, Lembaga Letrik Sabah dan Perbadanan Bekalan Letrik Sarawak. Ini meliputi Skim Janaletrik Paka di Terengganu, Projek Haidero Tenom-Pangi di Sabah dan Projek Haidero Elektrik Batang-Ai di Sarawak. Dari jumlah ini juga $160 juta disediakan bagi kemudahan elektrik luar bandar dan $105 juta bagi bekalan air luar bandar.

*Penyertaan Bumiputera dalam Perdagangan dan Perindustrian*

Selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian, sejumlah $770 juta disediakan dalam tahun 1983 untuk tujuan ini. Dari jumlah ini, $729 juta adalah untuk rancangan-rancangan perusahaan di bawah program-program yang diusahakan oleh berbagai agensi seperti UDA, MARA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). Program-program UDA yang besar-besar termasuklah pembinaan Komplek Dayabumi dan bangunan-bangunan perniagaan untuk menyediakan ruang bagi peniaga-peniaga Bumiputera di ibu negeri dan bandar-bandar besar dalam tiap-tiap Negeri. MARA akan terus melatih dan memajukan usahawan-usahawan Bumiputera sambil menggalakkan mereka melibatkan diri dalam perusahaan-perusahaan baru. Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri pula akan meneruskan usaha mereka bagi menggalak dan meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera, sama ada secara bersendirian ataupun secara usahasama, terutama dalam lapangan perniagaan yang baru.

*Program-program Sektor Sosial*

Sektor Sosial diperuntukkan sebanyak $2,522 juta atau 21.6% dari Anggaran Pembangunan 1983. Peruntukan terbesar sebanyak $1,166 juta adalah untuk Pelajaran, iaitu bagi memenuhi keperluan-keperluan dan kemudahan-kemudahan pelajaran yang kian meningkat untuk kanak-kanak dalam peringkat umur bersekolah. Kemudahan-kemudahan ini termasuklah pembinaan 423

buah sekolah baru, makmal-makmal, rumah-rumah guru dan asrama-asrama. Usaha-usaha akan dipergiatkan untuk menyediakan asrama-asrama tetap yang dijangka membawa faedah kepada kira-kira 43,220 orang pelajar. Peruntukan yang mencukupi juga disediakan bagi melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) untuk semua kanak-kanak sekolah dalam Darjah I di semua sekolah dan Darjah II di 302 buah sekolah percubaan di seluruh negara. Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan-kemudahan pelajaran di peringkat universiti serta memperluas kemudahan-kemudahan latihan, terutama sekali latihan vokesyenal.

*Latihan-latihan Kemahiran*

Bagi memenuhi keperluan negara untuk mendapatkan tenaga mahir yang cukup, Kerajaan akan memperluas dan meningkatkan program-program latihan terutama program latihan di tempat kerja. Kursus-kursus latihan jangka pendek dalam bidang pembinaan sedang diadakan di Institiut Latihan Perindustrian di Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Kursus seperti ini akan juga diadakan bagi pembinaan projek Jambatan Pulau Pinang. Program-program yang sedia ada seperti Skim Perantis Kebangsaan, kursus Belajar Berniaga dan Program Latihan Pengajar-pengajar akan juga terus dipergiatkan dalam tahun 1983.

*Etika Kerja*

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sistem pengurusan dan cara pentadbiran sedang menempoh beberapa perubahan asas. Usaha-usaha meningkatkan daya pengeluaran melalui kaedah-kaedah baru, teknologi yang lebih maju dan etika kerja yang gigih tetapi mengandungi nilai-nilai kemanusiaan sudah pun dilancarkan.

Berbagai langkah telah dan sedang dijalankan untuk mencapai matlamat ini dalam sektor awam. Konsep pentadbiran bersih, cekap dan amanah telah menjadi satu prinsip yang paling diutamakan dalam Kerajaan. Di samping itu peraturan dan proses kerja di jabatan dan agensi Kerajaan sedang dilengkapkan dengan mesin-mesin selaras dengan kehendak zaman komputer dan elektronik.

*Komputer*

Di sini sukalah saya menyatakan bahawa sejajar dengan berbagai dasar Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta lebih pesat memodenkan pengurusan mereka menjadi lebih kompetitif di pasaran antarabangsa, saya mencadangkan supaya duti import sebanyak 25% yang dikenakan ke atas komputer dihapuskan.

*Penyelidikan*

Pada masa ini syarikat-syarikat yang menjalankan penyelidikan adalah layak mendapat potongan sekali ke atas perbelanjaan penyelidikan bagi tujuan pengiraan cukai dengan syarat penyelidikan itu mestilah bersifat saintifik dan mestilah ada kaitan dengan perniagaan mereka. Maka adalah dicadangkan supaya galakan ini diperbaiki dengan menghapuskan syarat-syarat itu untuk menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat menjalankan penyelidikan. Tetapi galakan-galakan yang diperbaiki ini hanya akan dapat dinikmati kalau syarikat-syarikat menjalankan penyelidikan yang diluluskan sahaja. Galakan-galakan yang diperbaiki ini ialah:

*(a)* potongan sebanyak 1⅓ bagi perbelanjaan hasil;

*(b)* penyelidikan boleh dilakukan oleh syarikat itu sendiri atau badan saintifik, atau oleh universiti atau kolej atau oleh institusi penyelidikan bagi pihak syarikat yang berkenaan;

*(c)* bangunan-bangunan yang diguna untuk penyelidikan itu adalah dianggap sebagai bangunan perindustrian dan layak mendapat elaun bangunan perindustrian.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sektor swasta telahpun diberi bermacam-macam galakan cukai untuk meringankan beban cukai yang ditanggung oleh perniagaan mereka. Langkah-langkah menggalakkan pelaburan ini adalah liberal.

Di antaranya ialah elaun-elaun dan pengecualian-pengecualian yang berthabit dengan cukai pendapatan, duti-duti import dan cukai jualan. Galakan-galakan cukai ini meliputi bukan sahaja sektor perkilangan tetapi juga industri-industri lain seperti hotel dan perkapalan. Apa yang penting pada masa ini bukanlah lagi soal mengadakan galakan-galakan cukai yang baru, tetapi memberi masa supaya galakan-galakan cukai yang sudah pun diberi itu dapat digunakan sepenuhnya dengan berkesan. Kita mahu mempastikan supaya sektor swasta mendapat manfaat sepenuhnya dari galakan-galakan cukai ini sebelum galakan-galakan cukai yang baru diwujudkan. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus memperbaiki sistem galakan cukai yang ada dari semasa ke semasa.

*Dasar Kewangan (Monetary Policy)*

Bagi menyokong langkah-langkah cukai dan perbelanjaan Kerajaan, kedudukan kewangan negara telah dapat diuruskan supaya mewujudkan keadaan yang stabil. Sistem bank masih mempunyai mudahtunai yang agak cukup sungguhpun kejatuhan eksport telah menyebabkan berkurangnya pendapatan dan simpanan. Sebenarnya sistem bank mempunyai keupayaan untuk melayan permintaan daripada sektor swasta untuk membiayai kegiatan mereka. Memandangkan keadaan mudahtunai yang sedemikian rupa dan kesediaan Bank Negara untuk membantu meredakan keadaan yang boleh menjadi runcing, kadar faedah dalam pasaran wang tempatan telah bertambah baik semenjak awal tahun ini pada umumnya.

Oleh hal yang demikian, saya menjangkakan bank-bank tempatan akan menurunkan kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman tidak berapa lama lagi. Penurunan kadar faedah ini sudah tentu akan membantu menggalakkan proses pertumbuhan ekonomi negara.

Dasar kewangan negara akan dilaksanakan secara flexible dan untuk memenuhi keperluan-keperluan tertentu. Langkah-langkah yang akan diambil adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan semasa sesuai dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam ekonomi supaya sistem kewangan mempunyai bekalan wang yang cukup untuk memenuhi keperluan bagi menambah pengeluaran, kegiatan eksport, pelaburan dan usaha-usaha perniagaan yang baru. Dalam hal ini, keutamaan akan diberi kepada keperluan untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang akan mengguna dengan sepenuhnya sumber-sumber tempatan dan kegiatan yang melibatkan tukaran asing yang paling sedikit. Di samping itu, Kerajaan akan terus memberi perhatian berat supaya kumpulan-kumpulan yang diutamakan seperti kaum Bumiputera, peniaga-peniaga kecil dan bakal-bakal pembeli rumah akan mendapat kredit dengan kos yang berpatutan.

*Perumahan*

Di waktu kemelesetan ini kita perlu lebih berdikari dan menggunakan segala kekuatan yang ada pada kita untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, terutama sekali di sektor swasta. Perusahaan pembinaan berkembang sekadar 12% setahun dalam tempoh 1976-81. Kita mempunyai tanah, pengetahuan, dan tenaga buruh serta bahan-bahan binaan untuk menyokong rancangan binaan perumahan. Lagi pun, aktiviti perumahan akan mencetuskan kegiatan-kegiatan sampingan yang akan menggerakkan industri perkilangan dan juga lain-lain perkhidmatan yang berkaitan, termasuklah khidmat perdagangan, pengedaran, kontrek, pengangkutan, kewangan dan yang berkaitan dengan hiburan, yang akan menggunakan sedikit sahaja pertukaran wang asing.

Kerajaan memang berazam menggalakkan pertumbuhan industri perumahan yang lebih dinamik khususnya di sektor swasta. Setakat ini nampaknya kadar pembinaan rumah kediaman persendirian lebih lembab dari apa yang tercapai di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan jauh ketinggalan dari matlamat 70,000 buah rumah setahun yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Kita sekarang bercadang bukan sahaja hendak membina 70,000 buah rumah setahun, tetapi akan meningkat kadar pembinaan dengan menambah 40,000 unit rumah lagi dalam

tempoh 18 bulan akan datang. Kerajaan-kerajaan Negeri sudah pun bersetuju untuk menghasilkan tujuan ini dengan memberi pertolongan supaya dapat mempercepatkan penukaran syarat penggunaan tanah dan membantu sepenuhnya untuk meningkatkan usaha mereka sendiri dan usaha-usaha swasta untuk membina lebih banyak lagi rumah kos rendah dan kos sederhana di seluruh negara. Proses meluluskan plan-plan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan juga akan dipercepatkan. Sistem bank telahpun diarah supaya menyediakan kemudahan pinjaman untuk membiayai pembinaan dan pembelian rumah supaya dapat membantu menjayakan dasar perumahan nasional.

Kerajaan memang mengambil berat tentang mengadakan kemudahan perumahan yang cukup bagi rakyat terutama yang berpendapatan rendah. Bagi tujuan ini sejumlah $627 juta telah diperuntukkan dalam tahun 1983 bagi Program Perumahan Kerajaan, dalam mana $454 juta telah ditetapkan bagi pembinaan rumah kos rendah.

*Sektor Pertanian*

Kerajaan akan terus memperhebatkan usahanya untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi kaum tani, pekebun-pekebun kecil dan kaum nelayan, terutamanya bagi mereka yang masih berada di tahap yang lebih rendah daripada garis kemiskinan. Kerajaan akan juga terus menambahkan pengeluaran makanan untuk kegunaan dalam negeri dan eksport. Oleh itu adalah dicadangkan supaya sejumlah $1,396 juta diperuntukkan kepada sektor pertanian dalam Anggaran Pembangunan 1983. Dari jumlah ini, lebih kurang $471 juta adalah untuk pembangunan tanah, $375 juta untuk pembangunan pertanian, dan $274 juta untuk membina parit dan taliair. Sebanyak lebih kurang $68 juta adalah diperuntukkan bagi perikanan dan $52 juta untuk rancangan penanaman semula getah.

*Pembangunan Tanah*

Kerajaan akan terus mengutamakan pembangunan tanah, terutama sekali bagi rancangan-rancangan getah dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya, bagi tujuan mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar getah utama di dunia. FELDA akan diberi peruntukan sebanyak $278 juta untuk meneruskan pembangunan seluas lebih kurang 250,000 hektar rancangan-rancangan tanah yang sedia ada dan pembukaan lebih kurang 29,600 hektar rancangan-rancangan baru yang akan membawa faedah kepada kira-kira 7,300 peserta. FELCRA akan memulihkan tanah seluas kira-kira 12,400 hektar dengan anggaran perbelanjaan sebanyak $21 juta yang akan membawa faedah kepada 4,900 peserta. Di bawah rancangan penanaman semula getah RISDA, seluas kira-kira 33,300 hektar akan ditanam semula dengan anggaran perbelanjaan sebanyak $121 juta yang dapat memberi faedah kepada kira-kira 27,500 orang pekebun-pekebun kecil getah.

Pekebun-pekebun kecil getah, tuanpunya ladang-ladang getah dan pengeluar-pengeluar timah terus menghadapi kesulitan akibat kenaikan kos, pendapatan yang kurang serta keuntungan yang berkurangan.

Oleh itu saya cadangkan supaya tindakan-tindakan diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pengeluar-pengeluar getah dan timah iaitu:

*(a)* bagi getah, duti eksport akan dikenakan ke atas harga-harga yang melebihi 170 sen se kilogram yang sebelum ini dikenakan atas harga melebihi 154 sen se kilogram; dan

*(b)* bagi timah, duti eksport akan dikenakan ke atas harga-harga yang melebihi $26.40 se kilogram yang sebelum ini dikenakan atas harga melebihi $23.15 se kilogram.

Sistem yang digunakan sekarang ini untuk mengira duti eksport ke atas getah adalah berdasarkan kepada nilai yang diwartakan bagi RSS 1, RSS 3 dan SMR 20. Untuk memperbaiki lagi sistem yang dipakai sekarang ini, saya mencadangkan supaya tidak digunakan lagi nilai yang diwartakan bagi RSS 1. Sebaliknya saya mencadangkan supaya digunakan nilai yang diwartakan bagi RSS 2, RSS 3 dan SMR 20, sebagai asas pengiraan duti eksport.

Dalam usaha kita hendak membantu perusahaan getah, terutamanya pendapatan pekebun-pekebun kecil, negara kita telah memainkan peranan yang aktif dalam operasi stok simpanan Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO), untuk menyokong harga getah di tahap yang menguntungkan.

Di samping itu, Majlis Persatuan Pengeluar Getah Asli yang penubuhannya telah sama-sama kita usahakan, akan menyimpan getah sebanyak 350,000 tan metrik lagi bagi tempoh enam bulan. Dari jumlah ini sumbangan Malaysia ialah kira-kira 175,000 tan. Selain dari itu, MARDEC dan RISDA juga akan memberi sumbangan mereka terhadap usaha antarabangsa untuk menstabilkan harga getah. Langkah-langkah ini diambil supaya pekebun-pekebun kecil kita akan terus mendapat pasaran bagi getah mereka dengan harga yang berpatutan, walaupun permintaan pasaran kurang pada masa ini.

Kerajaan telah juga melaksanakan berbagai langkah untuk mengurangkan kesan buruk kemelesetan ke atas perusahaan bijih timah. Selain daripada menaikkan nilai yang diwartakan bagi harga untuk pengiraan cukai eksport bagi bijih timah, Kerajaan telah mengambil langkah mengurangkan pengeluaran bijih timah sebanyak 15% daripada jumlah pengeluaran biasa. Malaysia akan terus memainkan peranannya dalam melaksanakan Perjanjian Keenam Bijih Timah Antarabangsa untuk menyimpan stok serta mengawal eksport bijih timah. Usaha-usaha juga sedang diteruskan bagi menubuhkan Persatuan Negara-negara Pengeluar Bijih Timah. Deraf Perjanjian untuk penubuhan Persatuan ini hampir siap digubal. Persatuan ini akan menggalakkan sikap berdikari dan memupuk semangat kerjasama yang erat di antara negara-negara pengeluar dalam bidang penyelidikan, perkembangan dan pemasaran serta akan menyokong usaha-usaha yang dijalankan di bawah Perjanjian Keenam Bijih Timah Antarabangsa.

Sebuah Jawatankuasa Tetap Kerajaan telah ditubuhkan untuk menimbangkan langkah-langkah bagi menolong perusahaan bijih timah, khususnya pekerja-pekerja lombong, supaya dapat menyesuaikan dengan keadaan yang timbul disebabkan oleh pemotongan pengeluaran yang banyak.

Berhubung dengan Pembangunan Pertanian pula, sebanyak lebih kurang $177 juta adalah dicadangkan bagi melaksanakan berbagai-bagai Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu atau PPPB sebagai suatu langkah ke arah meninggikan lagi daya pengeluaran dan pendapatan para petani. Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu yang akan dilaksanakan dengan lebih giat lagi dalam tahun 1983 adalah merangkumi Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu di Negeri Sembilan Timur, Lembah Kedah, Kemasin/Semerak, Melaka, Rompin-Endau dan Seberang Perak. Seluas lebih kurang 47,660 hektar padi, 103,380 hektar getah, 13,650 hektar kelapa sawit, 1,210 hektar koko, 4,120 hektar tembakau dan 24,065 hektar tanaman-tanaman lain akan dimajukan di keenam-enam kawasan yang disebutkan tadi dengan membina kemudahan-kemudahan infrastruktur baru dan membaiki infrastruktur yang sedia ada. Adalah dijangkakan petani-petani di kawasan-kawasan ini akan menerima pendapatan purata sebanyak lebih kurang $4,740 setahun. Projek-projek ini akan memberi faedah kepada lebih kurang 179,575 sekeluarga.

Pelaksanaan projek-projek parit dan taliair akan dipergiatkan lagi. Sebahagian besar daripada peruntukan yang dicadangkan ialah untuk meneruskan projek-projek parit dan taliair di kawasan-kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu iaitu MUDA II, Johor Barat I, Kelantan Utara, Krian-Sg. Manik, Barat Laut Selangor, Seberang Perak dan Nonok di Sarawak. Lebih kurang 14,000 hektar tanah pertanian akan dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan parit dan taliair yang baru dan 24,000 hektar lagi akan sama-sama menikmati perubahan-perubahan daripada kemudahan-kemudahan yang bertambah baik ini. Adalah dianggarkan sejumlah 29,100 keluarga akan mendapat faedah daripada program ini. Bagi program pencegahan banjir dan pemeliharaan sungai, kira-kira 170,000 hektar kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir akan dapat diselamatkan dan akan menyenangkan kehidupan lebih kurang 155,600 orang.

Dalam usaha mempercepat proses modenisasi dalam Sektor Pertanian, Kerajaan akan terus meningkatkan khidmat-khidmat lanjutan dan kegiatan-kegiatan latihan untuk para petani. Sejumlah 1,639 buah Kumpulan Tani akan ditubuhkan dalam tahun 1983 dan ini akan memberi faedah kepada lebih kurang 141,399 keluarga tani.

Di lapangan perikanan, kepentingan kaum nelayan akan dimajukan khususnya melalui Konsep Pembangunan Kawasan dengan mewujudkan Pusat-pusat Pembangunan Nelayan. Semua kemudahan dan perkhidmatan lanjutan yang diperlukan oleh para nelayan akan disediakan melalui pusat-pusat ini. Sebanyak tiga buah Pusat Pembangunan Nelayan akan ditubuhkan dalam tahun 1983 yang dijangka akan memberi faedah kepada lebih kurang 9,000 orang nelayan.

*Pengeluaran Makanan*

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan sentiasa memberi keutamaan yang tinggi supaya negara kita mencapai taraf berkecukupan sendiri di bidang makanan. Langkah-langkah sedang diambil supaya penduduk-penduduk senang mendapatkan bahan-bahan makanan yang lebih berzat, seperti daging, ikan, susu dan lain-lain yang mengandungi zat protin, vitamin dan sebagainya. Kaum tani akan digalak mengusahakan tanam-tanaman berbilang-musim yang dapat dijual dengan harga yang baik, ternakan haiwan, dan ternakan hidup-hidupan dalam air. Langkah pertama ke arah memajukan rancangan pengeluaran makanan secara bersepadu ini telahpun dilaksanakan melalui Skim Bersepadu Untuk Pemasaran Sayur-sayuran.

*Makanan Ternakan*

Berhubung dengan ini, saya mencadangkan supaya duti import yang dikenakan ke atas dedak gandum dan pollard gandum (atau dedak bercampur sedikit tepung gandum) dikurangkan dari 13% kepada 5%. Bahan-bahan ini adalah hasil sampingan pengeluaran tepung gandum dan digunakan sebagai bahan makanan ternakan. Oleh kerana pengeluaran tempatan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan industri makanan ternakan dan para penternak, maka penurunan duti ini akan membantu mencukupkan bekalan tempatan melalui import yang lebih banyak.

*Subsidi*

Kerajaan akan terus menyediakan subsidi bagi membendung kenaikan harga makanan-makanan dan barang-barang perlu dan juga bagi menggalakkan usaha-usaha menambah pengeluaran barang-barang makanan. Oleh itu kira-kira $1,237 juta diperuntukkan dalam Belanjawan 1983 sebagai perbelanjaan subsidi untuk minyak diesel dan barang-barang petroleum, harga pembelian padi, baja dan sebagainya. Peruntukan yang terbesar ialah subsidi bagi minyak diesel dan barang-barang petroleum yang berjumlah $750 juta. Subsidi untuk harga pembelian padi ialah sebanyak $180 juta. Untuk mengurangkan kos penanaman padi dan bagi meninggikan daya pengeluarannya sejumlah $90 juta telah diperuntukkan bagi subsidi baja, yang dijangka akan memberi faedah kepada lebih kurang 365,000 keluarga.

*Harga-harga*

Objektif dasar Kerajaan adalah untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dalam keadaan harga yang stabil.

Setahun dahulu, harga-harga pengguna meningkat pada kadar tahunan sebanyak 9.6%. Maka beberapa langkah telah diambil menerusi Belanjawan untuk menggalakkan penambahan bekalan dalam negeri. Dengan berkurangnya harga-harga import, yang membayangkan bahawa inflasi dunia semakin reda dan Ringgit kita terus teguh, maka keadaan harga dalam negeri telah menjadi bertambah baik sejak itu.

*Kadar Tukaran Wang Asing*

Dalam masa dua tahun kebelakangan ini, saya perhatikan para peniaga dan para pekilang yang mengimport barang-barang dari luar negeri telah mendapat keuntungan besar daripada keutuhan Ringgit kita di ketika inflasi dunia sedang menurun. Tetapi

faedahnya jarang sekali dinikmati oleh para pengguna. Sejak awal tahun 1981, nilai matawang kita telah naik sebanyak 31% jika dibandingkan dengan pound sterling, 23% dengan matawang Jepun, 20% dengan matawang Jerman dan sebanyak 13% dengan matawang Swiss. Yang amat menjolok mata ialah, sungguhpun kadar inflasi rendah di negeri Jepun dan Jerman, tetapi harga barang-barang pengguna yang diimport dari negara-negara ini terus naik. Padahal, harga barang-barang ini sepatutnya turun. Nampaknya sistem pengedaran kita semakin cenderung kepada menggalakkan inflasi. Keadaan ini hendaklah diubah. Kerajaan akan mengambil tindakan sekiranya pihak swasta tidak mengubah keadaan pasaran yang tidak sempurna ini yang mendatangkan kerugian kepada para pengguna.

Kesatuan-kesatuan Pengguna memainkan peranan yang penting untuk memperluaskan pengetahuan masyarakat mengenai harga barang-barang dan perkhidmatan yang diperlu supaya tidak dipermainkan oleh pihak penjual. Di waktu meleset ini, Kesatuan-kesatuan Pengguna harus meningkatkan lagi usahanya untuk menggembeling tenaga pengguna untuk menentang kecurangan yang diamalkan oleh setengah kalangan peniaga dengan menetapkan harga yang tidak berpatutan. Kesatuan-kesatuan Pengguna bersama-sama dengan Kesatuan Sekerja dan suri-suri rumahtangga boleh mengatur barisan memulakan kempen meningkatkan tabungan simpanan secara besar-besaran di seluruh negara dan berjuang untuk mendapat layanan yang lebih adil.

*Program-program Pengangkutan dan Perhubungan*

Supaya pertumbuhan ekonomi dapat diterus dan digalakkan, khususnya dalam sektor swasta, maka program-program di bawah sektor Pengangkutan akan diberi keutamaan tinggi dengan peruntukan sebanyak $1,973 juta. Ini termasuklah usaha-usaha pembinaan dan penyenggaraan, sebanyak $823 juta untuk jalan dan jambatan, $555 juta untuk pelabuhan dan merin, $310 juta untuk keretapi dan $275 juta untuk penerbangan awam.

Sebanyak $461 juta diperuntukkan bagi program-program perhubungan iaitu termasuk $438 juta untuk menambah talian telefon dan kemudahan-kemudahan teleks.

Projek-projek utama di bawah Jalan dan Jambatan ialah Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Kuala Lumpur-Petaling Jaya, Jalanraya Kuala Krai-Gua Musang dan pembaikan jalan-jalan utama di Sabah dan Sarawak. Peruntukan bagi jalan dan jambatan tersebut termasuklah $201 juta yang diperuntukkan bagi pembinaan dan pembaikan jalan dan jambatan di kawasan luar bandar.

*Cukai Jualan*

Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk membina jalan-jalan baru dan untuk membaiki rangkaian jalan raya dan jambatan yang ada. Oleh itu, adalah wajar bagi pengguna-pengguna jalan raya membayar lebih banyak cukai untuk membantu kos penyelenggaraan jalan raya. Struktur cukai jalan patut dibaiki lagi supaya beban cukai dapat sama-sama ditanggung secara lebih adil lagi. Oleh itu, saya mencadangkan untuk menyemak semula kadar cukai jalan ke atas kereta persendirian.

Cadangan ini tidak dikenakan ke atas pemilik-pemilik kereta penumpang yang mempunyai keupayaan injin tidak melebih 1,200 c.c. Kereta yang melebihi 1,200 c.c. akan dikenakan cukai jalan yang lebih tinggi antara 20 sen satu c.c. sehingga $3.60 satu c.c. bagi kereta yang melebihi 3,000 c.c. Oleh itu, pemilik kereta yang mahal terutama dalam kategori 3,000 c.c. kenalah membayar cukai jalan yang lebih banyak. Dan pemilik kereta persendirian yang menggunakan minyak diesel akan membayar sebanyak lima kali ganda mengikut kadar baru ini.

Bagaimanapun, perlulah saya tegaskan di sini, bahawa cadangan-cadangan ini tidak melibatkan bas, teksi, kereta sewa dan kenderaan perniagaan.

*Kereta Motor Milik Syarikat*

Akan tetapi, kereta penumpang milik syarikat adalah berlainan kategorinya. Oleh kerana kereta-kereta ini digunakan untuk

tujuan perniagaan, patutlah ia dikenakan kadar yang berasingan. Oleh itu saya mencadangkan cukai jalan ke atas kereta-kereta milik syarikat dikenakan empat kali lebih tinggi daripada cukai jalan ke atas kereta kegunaan persendirian. Teksi, kereta sewa dan kenderaan perniagaan yang dimiliki oleh syarikat tidak terlibat dengan cadangan ini.

*Pertahanan dan Keselematan*

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah bersetuju bahawa pembangunan ekonomi dan pencapaiannya akan terjejas melainkan kita berupaya mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita, apatah lagi dewasa ini manakala kita sedang menghadapi ancaman musuh dari dalam dan luar negeri. Lagi pun, pelaburan swasta hanya dapat berkembang dalam suasana yang boleh meyakinkan keselamatan berniaga. Dan suasana ini hanya dapat diwujudkan di dalam keadaan keselamatan yang berterusan. Oleh itu, sektor Pertahanan dan Keselamatan akan diberi peruntukan berjumlah $2,483 juta atau 21% daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan. Sukalah saya menegaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sedar tentang perlunya diperseimbangkan perbelanjaan keselamatan dengan perbelanjaan pembangunan sosio-ekonomi dan tentang perlunya kedua-dua sektor tersebut tidak diberi peruntukan melebihi daripada yang sepatutnya.

*Prospek bagi tahun 1983*

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya prospek ekonomi negara bagi tahun depan dijangka baik sedikit.

Dengan mandat dan sokongan yang kuat daripada semua golongan rakyat, dapatlah diharapkan bahawa prestasi ekonomi negara akan bertambah baik tahun depan. Keluaran Dalam Negara Kasar dijangka akan tumbuh sebanyak 4.9% dari segi sebenar. Akaun Perdagangan dalam Imbangan Pembayaran dianggarkan mencatat sedikit lebihan, setelah mengalami kurangan dalam dua tahun yang sudah. Akaun semasa Belanjawan dijangka akan terus mencapai lebihan walaupun ekonomi menghadapi kemelesetan.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi kita harus lebih tinggi lagi sekiranya keadaan ekonomi dunia lebih baik daripada yang dapat dijangkakan ketika ini. Kalau kadar-kadar faedah bank peringkat antarabangsa diturunkan ke tahap yang lebih menasabah lagi sudah tentulah ini akan menggalakkan sektor swasta mengambil inisiatif mengembangkan perusahaan mereka. Industri pembinaan khususnya tentulah akan dapat bertumbuh lebih pesat lagi, dengan sokongan yang lebih kuat dari Kerajaan. Perkembangan-perkembangan positif semacam ini, sekiranya berlaku, tentulah akan membolehkan ekonomi Malaysia pulih dengan lebih kuat untuk mencapai kadar pertumbuhan kira-kira 6% dari segi sebenar dalam tahun 1983.

*Penutup*

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan bagi tahun 1983 telah disusun untuk membantu memperteguh ketahanan ekonomi negara serta menentang kesan-kesan buruk kemelesetan ekonomi antarabangsa. Cukai-cukai baru yang saya cadangkan ini mencerminkan keazaman kita untuk menggunakan segala kuasa yang ada pada kita sebagai suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat, dan melalui sokongan dan kerjasama rakyat seluruhnya, kita akan menghadapi bukan sahaja keadaan yang rumit sekarang ini bahkan juga masa depan kita dengan lebih cekal dan lebih semangat berdikari serta yakin kepada diri sendiri.

Langkah-langkah yang terkandung dalam Belanjawan ini akan juga dapat mempercepat proses pencapaian cita-cita kebangsaan kita hendak membentuk suatu bangsa yang hidup di dalam suasana keadilan dan bersatu padu. Dengan pembahagian beban yang lebih adil di saat kemelesetan ini, mereka yang mampu akan dapat memberi sumbangan yang lebih untuk membela kepentingan saudara-saudara kita yang kurang bernasib baik. Dengan cara ini kita akan dapat memikul beban bersama untuk mempastikan supaya ekonomi negara terus teguh dan kukuh. Dengan demikian, ekonomi negara akan dapat menempuh taufan kemelesetan yang buruk ini dan bersedia pula untuk bergerak lebih maju ke

hadapan apabila kedudukan ekonomi antarabangsa benar-benar pulih semula, insya Allah.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi masalah-masalah negara kita. Ini telah melibatkan pemikiran yang mendalam dan keputusan yang tegas, tetapi ini adalah selaras dengan cara pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional yang pragmatis. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita sentiasa berikhtiar supaya rakyat dan negara dapat menikmati cara hidup dan taraf hidup yang sebaik-baiknya, tanpa menghiraukan soal populariti. Ketika senang dan mewah boleh-lah kita bermurah hati. Tetapi di zaman kemelesetan ini terpaksalah kita bersedia menghadapi cabaran dengan tabah dan hati yang tidak gentar.

Bersyukurlah kita ke hadrat Allah subhanahu wa taala yang telah melindungi kita dan negara kita daripada kesusahan yang lebih besar akibat kemelesetan ekonomi dunia. Berkat kerjasama rakyat dari segenap lapisan—kaum tani, kaum nelayan, kaum pekerja, kaum majikan dan golongan pengguna seluruhnya, kita akan berjaya mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang. Saya menaruh penuh keyakinan terhadap kebijaksanaan bangsa kita, terhadap kebolehan kita merintis jalan-jalan baru, memikirkan perkara-perkara baru dan meningkatkan daya pengeluaran. Di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional yang berazam kuat, saya tidak ragu-ragu lagi bahawa kualiti yang memang ada pada bangsa kita ini akan berkembang dan menjadi kenyataan dalam usaha kita mencapai kehidupan yang lebih bahagia dan mewah di masa depan, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-cadangkan *(Tepuk)*.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

# USUL

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul di atas nama saya berkenaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1983 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis yang berbunyi:

> Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang sebanyak $11,669,988,913 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1983 bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1982 dan hendaklah diuntukkan amaun-amaun yang dinyatakan di bawah maksud-maksud itu bersetentangan dengan butiran-butiran itu dalam ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

**Dato Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66 (2) perbahasan di atas masalah Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Usul Anggaran Pembangunan ini hendaklah ditangguhkan selama tidak kurang daripada dua hari daripada masa ia dicadangkan. Oleh yang demikian, perbahasan di atas kedua-dua masalah ini akan dimulakan pada hari Isnin, 25hb Oktober, 1982.

Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 25hb Oktober, 1982.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.*

LAMPIRAN I

*Cadangan untuk mengkaji semula kadar cukai jualan*

Pada masa ini semua barang-barang perlu adalah dikecualikan daripada cukai jualan. Walau bagaimanapun semua barang-barang lain adalah tertakluk kepada cukai jualan sebanyak 5% kecuali bagi beberapa barang mewah yang mana tertakluk kepada cukai jualan 10%. Kadar 5% cukai jualan ini mula berkuatkuasa sejak tahun 1972 lagi bila mana cukai jualan buat pertama kalinya diperkenalkan. Oleh itu adalah menasabah kadar cukai tersebut dinaikkan kepada satu kadar yang lebih tinggi bagi menambahkan sumbangan cukai jualan kepada hasil Kerajaan. Adalah dicadangkan supaya cukai jualan dinaikkan kepada 10%. Kenaikan ini tidak memberi kesan kepada barang-barang perlu di mana barang-barang tersebut akan terus dikecualikan daripada cukai jualan.

LAMPIRAN II

*Cadangan untuk memperkenalkan "sistem kredit" di dalam pentadbiran cukai jualan*

Cukai jualan ialah merupakan percukaian seperingkat di mana dikenakan sama ada di peringkat pengimport atau pada peringkat pengilang. Bagi mengelakkan dari pengenaan cukai jualan berulangkali, pengilang-pengilang dibenarkan mengimport atau membeli bahan-bahan mentah dengan menggunakan borang cukai jualan No. 5. Walau bagaimanapun, setengah pengilang-pengilang terutama pengilang kecil tidak dapat menggunakan kemudahan tersebut kerana operasi mereka adalah kecil. Oleh itu mereka adalah dikenakan cukai dua kali iaitu atas import (bahan-bahan mentah) dan juga atas keluaran akhir mereka. Bagi mengatasi masalah ini, adalah dicadangkan supaya pengilang-pengilang kecil yang kerana sebab-sebab tertentu tidak dapat menggunakan kemudahan yang diberi di bawah sistem sekarang akan diberi "kredit" atas cukai jualan yang telah dibayar oleh mereka dalam pembelian bahan-bahan mentah dan kredit ini digunakan untuk meng"offset" cukai jualan yang akan dibayar atas keluaran akhir mereka.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1983.

LAMPIRAN III

*Cadangan untuk menaikkan kadar cukai perkhidmatan*

Pada masa ini kadar cukai perkhidmatan sebanyak 5% dikenakan ke atas barang-barang dan perkhidmatan yang dibekalkan atau dijual di tempat-tempat yang ditetapkan. Kadar 5% ini telah mula dikuatkuasakan sejak bulan Mac 1975 dan tidak pernah disemak semula. Adalah dicadangkan supaya kadar cukai perkhidmatan dinaikkan dari 5% kepada 10% untuk meningkatkan sumbangan cukai tersebut kepada hasil negara.

LAMPIRAN IV

*Cukai Perkhidmatan*

Pada masa sekarang, tempat-tempat yang diliputi ialah hotel-hotel, kelab-kelab malam, dewan-dewan tari-menari, kaberet-kaberet, pusat-pusat kesihatan dan rumah-rumah urut. Pada masa sekarang, pengenaan cukai ini adalah terhad. Adalah dicadangkan supaya ia diperluaskan sehingga meliputi tempat-tempat berikut:

(i) semua restoran-restoran, bar-bar, snek bar-snek bar dan rumah-rumah kopi yang terletak di luar hotel-hotel dan nilai jualan tahunan barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditetapkan mencapai $500,000 dan lebih;

(ii) semua kelab-kelab persendirian yang nilai jualan tahunan bagi barang-barang dan perkhidmatan yang mencapai $500,000 dan lebih.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1983.

LAMPIRAN V

*Cadangan untuk menghapuskan semua duti atas minyak wangi, beberapa jenis alat solek tertentu, cine-kamera, projektor, perakam suara, radio-radio transistor dan radio-radio transistor dengan perakam suara dan pen ball point (selain dari yang dibuat daripada plastik)*

Di dalam Belanjawan yang lalu, semua duti atas kamera, jam tangan, fountain pen dan pemetik api telah dihapuskan dutinya dengan matlamat untuk menggalakkan pelancungan dan pertumbuhan industri yang berkaitan. Untuk kali ini, dicadangkan supaya semua cukai atas minyak wangi, beberapa jenis alat solek tertentu, cine-kamera, projektor, perakam suara, radio-radio transistor dan radio-radio transistor dengan perakam suara dan pen ball point (selain dari yang dibuat daripada plastik) dihapuskan dutinya. Barang-barang ini tidak dikeluarkan oleh kilang tempatan dan dengan penghapusan cukai-cukai ini, diharapkan perdagangan barang-barang tersebut akan terus berkembang di negara ini.

Senarai penuh butir-butir ini adalah seperti di Kepilan I.

LAMPIRAN VI

*Cadangan untuk mengeluarkan barang-barang pilihan tertentu daripada lesen eksport*

Bagi memberi galakan seterusnya untuk mengeksport barang-barang pilihan tertentu, adalah perlu supaya keluaran-keluaran tersebut diberi kebenaran mengeksport secara bebas. Oleh itu, dicadangkan bahan-bahan keluaran berikut tidak lagi tertakluk kepada lesen eksport:

(i) Gula manis yang tidak mengandungi koko;

(ii) Coklat, coklat candies dan lain-lain coklat manis;

(iii) Macaroni, sphagetti dan bahan-bahan yang sama seperti meehoon, kowy teow, mee dan noddles;

(iv) Air buah-buahan yang perlu dicairkan sebelum digunakan dan dibungkus untuk jualan runcit (termasuk "fruit cordials", sirap buah-buahan, ros sirap dan sebagainya).

(v) air bergas;

(vi) PVC resin dan compounds;

